

23 SEP 2002

Sabah-Bajet

BAJET KERAJAAN NEGERI SABAH BERSIFAT MESRA RAKYAT

KOTA KINABALU, 23 Sept (Bernama) -- Bajet negeri Sabah yang akan dibentangkan bulan depan akan bersifat mesra rakyat dan mengambil berat soal pembangunan di luar bandar, kata Menteri Kewangan Sabah Datuk Musa Aman.

Beliau berkata bajet yang akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri itu sedikit sebanyak akan mengikut bajet negara yang mengambil berat pembangunan di kawasan luar bandar bagi menolong golongan kurang bernasib baik.

"Ini harus kita contohi dan kita gunakan di Sabah," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan seminar Pengurusan Berisiko Strategik anjuran bersama Creative Business Services Sdn Bhd dan firma perakaunan Ernst and Young.

Musa menyifatkan Bajet 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas adalah yang baik, prihatin, harmoni, progresif dan sangat mengambil berat terhadap golongan berpendapatan rendah serta pembangunan di luar bandar.

Dr Mahathir dalam pembentangan itu turut mengumumkan sejumlah RM963 juta akan dibelanjakan bagi projek pembangunan yang akan diagihkan secara adil terutama kepada negeri yang miskin dan mempunyai kawasan pedalaman yang luas.

Beliau berkata Sabah akan mendapat peruntukan yang baik untuk pembangunan luar bandar dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan melawat negeri itu esok, dijangka mengumumkan jumlah peruntukan yang akan diberikan oleh kerajaan pusat.

Antara projek pembangunan yang akan dilaksanakan ialah projek prasarana di kampung-kampung seperti jalan raya, jambatan, pembaikan bangunan seperti surau, dan dewan masyarakat, katanya.

Musa berkata projek pembangunan luar bandar itu akan diberikan keutamaan kepada kontraktor bumiputera untuk melaksanakannya.

Mengenai pembayaran bonus kepada kakitangan awam kerajaan negeri, Musa berkata ia akan dibincangkan dalam mesyuarat jemaah menteri negeri kelak.

-- BERNAMA

MK HM